



DIALEK KELANTAN,
NILAI MURNI
DAN AKAL BUDI

Dalam

NARATIF LISAN TERPILIH
DI SELURUH JAJAHAN

KELANTAN





DIALEK KELANTAN,
NILAI MURNI
DAN AKAL BUDI

Dalam

NARATIF LISAN TERPILIH
DI SELURUH JAJAHAN

KELANTAN

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB
TUAN SITI NURUL SUHADAH TUAN ADNAN
HANISA HASSAN

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-0021-83-6

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman.
Editor Perolehan: Nur Fatimah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Mohd Faris Fauzi.
Pembaca Prof: Zaliha Noor. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:
Penerbit UMK
Universiti Malaysia Kelantan
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
16300 Bachok, Kelantan.
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))
(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:
Pustaka Aman Press Sdn Bhd
4200-A Simpang tiga Telipot,
Jalan Sultan Yahya Petra
15150 Kota Bharu Kelantan

KANDUNGAN

Prakata	ix
---------	----

BAB 1

KEKAYAAN MASYARAKAT MELAYU MENERUSI NARATIF LISAN SEBAGAI GAMBARAN KEAGUNGAN KEBUDAYAANNYA TERSENDIRI

Pengenalan	1
Titik Tolak Pengkajian Naratif Lisan	4
Sumbangan Para Penulis Terhadap Naratif Lisan	6
Pemartabatan Naratif Lisan di Kelantan oleh Penulis-penulis di Malaysia	24
Hala Tuju Penyelidikan Naratif Lisan di Daerah-daerah Kelantan: Pengamatan Secara Khusus	28
Dialek Kelantan, Nilai Murni dan Akal Budi dalam Naratif Lisan di Jajahan Kelantan	30
Kesimpulan	31

BAB 2

KOLEKSI NARATIF LISAN KELANTAN

Pengenalan	33
Asal Usul Nama Kelantan	33
Asal Usul Melawi	35
Kilatan Emas	36
Keluhuran Raja Berdaulat	38
Pertahanan Empat Pembesar	39
Asal Usul Bunut Payung	41
Asal Usul Kampung Pintu Reng	42
Man Kumis Pembuka Lundang	44

Asal Usul Mek Pik	45
Tok Bidan Mek Pik	47
Mek Pik dan Buaya Putih	48
Timbulnya Buaya Putih	50
Tujuh Bersaudara	51
Jong Terbakar	52
Tok Ayah Sin	54
Asal Usul Pulau Jong	55
Misteri Bukit Panau	56
Persinggahan Belimbing	58
Tok Haji Ali	59
Asal Usul Nama Pasir Puteh	61
Perjuangan Ulamak Tok Adam	62
Asal Usul Kueng Hitam	64
Perpecahan Pentadbiran	65
Pembukaan Tanah Pehi	66
Asal Usul Pasir Kijang	67
Asal Usul Kampung Jering	69
Wakaf Bukit Jering	70
Syeikh Musa Pengasas Gua Musang	71
Muslihat Terungkai	73
Bunian Penyebab Malapetaka	74
Main Teri Pembangkit Semangat Ghaib	75
Kesimpulan	77

BAB 3

DIALEK KELANTAN, NILAI MURNI DAN AKAL BUDI DALAM NARATIF LISAN DI JAJAHAN KELANTAN

Pengenalan	79
Nilai-nilai Murni dalam Naratif Lisan	79
Nilai Kerjasama	79
Nilai Rasional	90

Nilai Semangat Bermasyarakat	103
Nilai Kesyukuran	109
Nilai Kerajinan	113
Nilai Kasih Sayang	120
Nilai Dedikasi	125
Nilai Baik Hati	131
Akal Budi dalam Naratif Lisan	138
Akal Budi Toleransi	138
Akal Budi Pengawalan Nafsu	148
Akal Budi Kesederhanaan	155
Akal Budi Saling Kebergantungan	164
Akal Budi Keharmonian	171
Kesimpulan	178

BAB 4

HUBUNGAN NARATIF LISAN DENGAN MANUSIA

Pengenalan	179
Kesimpulan	187

BAB 5

RUMUSAN

	189
Bibliografi	193
Indeks	201
Biodata Penulis	203

PRAKATA

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurnia-Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sahabat serta keluarga baginda yang mulia. Syukur dilafazkan akan segala pemberian-Nya, tiada keupayaan diri melainkan dengan izin Allah SWT jua buku *Dialek Kelantan, Nilai Murni dan Akal Budi dalam Naratif Lisan Terpilih di Seluruh Jajahan Kelantan* ini dihasilkan untuk tatapan para pencinta dan pengkaji tradisi lisan ini.

Sesungguhnya buku ini merupakan cetusan ilham dan kajian penulisan ke arah pengisian ruang kosong dalam bidang kesusasteraan tradisional. Penulis mengharapkan segala ilmu yang dinukilkan berupaya menambah ruang ilmu, landasan untuk membantu penyelidikan ke arah memartabatkan lagi kajian-kajian selepas ini. Justeru, pengkajian terhadap bidang kesusasteraan tradisional merupakan medium penting demi memartabatkan korpus kesusasteraan Melayu di dalam bidang pendidikan.

Seterusnya, penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah meluluskan dana untuk penyelidikan ini (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714). Penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan jayanya dan memberi nilai tambah yang sangat bermakna terhadap penyelidikan naratif lisan di Kelantan.

Bab ini mempunyai empat bab secara keseluruhannya yang membincangkan mengenai naratif lisan Melayu. Bab 1 menerangkan kekayaan masyarakat Melayu menerusi naratif lisan sebagai gambaran keagungan kebudayaannya, titik tolak pengkajian naratif lisan, sumbangan para penulis terhadap naratif lisan, hala tuju penyelidikan naratif lisan di daerah-daerah Kelantan dengan pengamatan khusus serta pemartabatan nilai-nilai murni, akal budi dan dialek asli Kelantan.

Bab 2 memperincikan tentang koleksi cerita rakyat dalam dialek Kelantan. Penulis mengumpul sebanyak 31 buah cerita di seluruh jajahan Kelantan. Koleksi cerita rakyat ini diperoleh melalui hasil temu bual bersama-sama penglipur lara di 11 jajahan negeri Kelantan.

Bab 3 pula membincangkan mengenai analisis nilai-nilai murni dan akal budi dalam naratif lisan di daerah-daerah Kelantan. Nilai-nilai murni yang diketengahkan di dalam bab ini adalah kerjasama, rasional, semangat bermasyarakat, kesyukuran, kerajinan, kasih sayang, dedikasi dan baik hati. Manakala, akal budi yang diketengahkan ialah toleransi, pengawalan nafsu, kesederhanaan, saling kebergantungan dan keharmonian. Nilai-nilai murni dan akal budi telah diaplikasikan dengan pendapat para sarjana.

Seterusnya, Bab 4 mempamerkan tentang hubungan naratif lisan dengan manusia. Antaranya bahagian ini memperlihatkan betapa pentingnya naratif lisan dalam kehidupan manusia. Manakala, Bab 5 pula merumuskan keseluruhan kajian mengenai naratif lisan yang dijalankan di daerah-daerah sekitar Kelantan. Bab terakhir pula memperlihatkan pengumpulan koleksi naratif lisan di seluruh jajahan Kelantan.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Mohd Firdaus Che Yaacob

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan

Hanisa Hassan

BAB 1

KEKAYAAN MASYARAKAT MELAYU MENERUSI NARATIF LISAN SEBAGAI GAMBARAN KEAGUNGAN KEBUDAYAANNYA TERSENDIRI

PENGENALAN

Masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya. Hal ini kerana keunikan budaya Melayu boleh digambarkan melalui kekayaan kesusasteraan yang dimilikinya termasuklah naratif lisan. Naratif lisan merupakan satu bentuk sastera rakyat yang berkembang dalam kalangan masyarakat yang memilikinya secara bersama. Penyebaran naratif lisan adalah dituturkan secara lisan dari satu generasi ke generasi sehingga kini. Penyebarannya adalah secara pertuturan lisan oleh penutur profesional atau amatir (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015; Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2016; Muhammad Safuan Ismail et al., 2018; Mohd Firdaus Che Yaccob, 2018). Tegasnya, naratif lisan merupakan karya yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu untuk dijadikan sebagai hiburan dan juga sebagai medium pendidikan dengan menyelitkan nilai-nilai positif di dalamnya. Naratif lisan disebar oleh masyarakat zaman lampau secara lisan melalui kaedah pertuturan. Naratif lisan dimiliki secara bersama oleh masyarakat dan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa sahaja. Malaysia sangat kaya dengan kepelbagaian budaya dan lapisan masyarakat. Justeru itu, naratif lisan memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri sesebuah masyarakat. Naratif lisan juga menjadi rujukan atau medium untuk kita melihat jati diri dan nilai moral sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu zaman lampau menjadikan naratif lisan sebagai satu alat kawalan sosial untuk membentuk dan menyebarkan nilai murni dalam kalangan masyarakat.